

PERTANYAAN WCC TENTANG PENGELUARAN PERINTAH PERLINDUNGAN SEMENTARA KEPADA MANGSA KEGANASAN, 4 JUL 2013

Pada 28 Jun, kakitangan, ahli-ahli Women's Centre for Change (WCC) dan golongan masyarakat yang prihatin telah berada di Ibu Pejabat Polis Pulau Pinang untuk menggesa penguatkuasaan yang efektif bagi Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Suatu memorandum telah diserahkan kepada Ketua Polis Pulau Pinang yang diwakili oleh Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Pulau Pinang, Asisten Komisioner Mohd Nasir Salleh.

Menurut laporan beberapa akhbar pada 29 Jun, Asisten Komisioner Mohd Nasir Salleh telah menyatakan bahawa Perintah Perlindungan Sementara (IPO) telah dikeluarkan terhadap suspek pada 14 Jun, tetapi masih belum diserahkan kepada suspek kerana beliau tiada di rumahnya.

WCC amat musykil dan bimbang berhubung kenyataan beliau.

Mangsa telah membuat satu laporan polis pada 14 Jun hanya pada pukul 10.30 malam. Mengikut pengalaman WCC, IPO amat jarang diperolehi pada hari yang sama laporan polis dibuat, dan adalah mustahil untuk memohon IPO di mahkamah selepas waktu pejabat dan pada tengah malam. Dengan ini, adalah diragui samada IPO dikeluarkan oleh mahkamah pada tarikh yang sama mangsa membuat laporan.

Apabila aduan tentang keganasan rumahtangga dibuat, samada pihak kebajikan mahupun pihak polis harus membantu mangsa dalam membuat permohonan perintah mahkamah tersebut. Selalunya mangsa akan dibawa ke mahkamah semasa permohonan dibuat. Apabila IPO dikeluarkan, anggota polis perlu menyerahkan IPO kepada suspek bagi memaklumkan larangan terhadap suspek dari terus melakukan keganasan terhadap pemohon/mangsa.

Sebagai seorang pemohon, mangsa sepatutnya orang pertama mengetahui tentang permohonan IPO. Di sini, samada mangsa, keluarganya mahupun pihak yang membantu mangsa, tidak dimaklumkan mengenai sebarang permohonan, ataupun tentang sebarang IPO yang telah diperolehi tanpa kehadiran mangsa atau keluarganya di mahkamah sekalipun. Sehingga sekarang, keluarga mangsa masih belum menerima salinan perintah yang dilaporkan telah dikeluarkan sejak 14 Jun.

Pada 20 Jun, mangsa telah datang ke WCC untuk memohon bantuan kerana risau nyawanya terancam. Menurut beliau, tiada sebarang IPO telah dikeluarkan walaupun beliau telah membuat laporan sejak 14 Jun. Beliau telah dinasihatkan oleh WCC untuk memohon IPO segera bagi melindungi dirinya. Beliau telah pergi

semula ke balai polis tetapi pegawai penyiasat tidak dapat dihubungi. Selepas 20 Jun, beliau beberapa kali terus mencuba mendapatkan IPO tetapi tidak berjaya.

Pada 24 Jun, mangsa telah disyaki dibakar oleh suaminya. Mangsa kini masih di dalam keadaan kritikal di hospital dengan tahap melecur 60% di bahagian badannya. Keganasan rumahtangga telah diiktiraf sebagai suatu kesalahan jenayah sejak tahun 1994. Tetapi 20 tahun kemudian, ahli keluarga yang mengalami keganasan masih berjuang untuk mendapat penguatkuasaan yang berkesan agar mereka dilindungi di bawah Akta Keganasan Rumahtangga. Keganasan yang berlaku dalam rumah tangga adalah suatu jenayah serius yang tidak boleh dipandang ringan.

WCC menggesa Ketua Polis Negara untuk menyatakan secara jelas tentang pentingnya perintah perlindungan dikeluarkan bagi mangsa-mangsa penderaan. Pihak polis bertanggungjawab untuk memaklumkan mangsa dan keluarga mereka tentang hak mereka untuk memohon IPO, perlu membantu mereka mendapatkan perintah tersebut, dan menyerahkan perintah yang dikeluarkan kepada suspek dengan segera.

Keselamatan dan perlindungan buat mangsa keganasan rumahtangga haruslah diberi keutamaan segera.

Kita tidak sepatutnya sekadar menanti tragedi terus berlaku.

Loh Cheng Kooi

Pengarah Eksekutif

Women's Centre for Change, Penang